

SEJARAH**1249/2****KERTAS 2****JULAI****2 ½ jam****NAMA:** _____**TINGKATAN:** _____**Dua jam tiga puluh minit**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**2026****SEJARAH****KERTAS 2****TINGKATAN 5**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian **Bahagian A dan Bahagian B***
2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan dalam **Bahagian B***
3. *Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan*
4. *Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama kertas jawapan **Bahagian B***

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi **12** halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

- 1** Kesultanan Melayu Melaka merujuk kepada sistem pemerintahan dan empayar agung yang diasaskan oleh Parameswara. Kerajaan ini menjadi asas pembinaan negara Malaysia moden

- (a) Nyatakan dua ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka

- i)
ii)

[2 markah]

- (b) Keunggulan pentadbiran telah membawa kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.
Buktikan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Teliti petikan berikut.

Sistem pentadbiran negara yang cekap adalah tunjang utama kestabilan politik, kemakmuran ekonomi, dan kesejahteraan sosial sesebuah negara. Ia memastikan segala dasar kerajaan dilaksanakan secara telus dan berkesan demi kepentingan rakyat.

Sumber : Sinarharian.com.my

Pada pendapat anda, mengapakah sistem pentadbiran penting untuk sesebuah negara?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2** Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu bagi menggantikan BMA pada 1 April 1946.

(a) Apakah hasrat British terhadap Malayan Union?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(b) Terangkan ciri-ciri perlembagaan Malayan Union daripada aspek pentadbiran.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Telititi petikan berikut

Pelaksanaan Malayan Union pada tahun 1946 telah menyedarkan orang Melayu tentang ancaman terhadap survival bangsa dan kedaulatan Raja-raja Melayu.

Berikan ulasan anda tentang petikan ini.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 (a) Nyatakan amalan demokrasi berparlimen di negara kita.

i)

ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan pengasingan kuasa bagi badan perundangan dan badan eksekutif.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti gambar berikut.



Beri pendapat anda berdasarkan gambar tersebut dan kesan penyebaran berita palsu kepada negara.

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 Rajah berikut berkaitan perkembangan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat untuk membina perpaduan kaum dan integrasi nasional.



(a) Apakah maklumat berikut

i) X:

ii) Y:

[2 markah]

- (b) Jelaskan kandungan Laporan Jawatankuasa Kabinet yang diumumkan pada tahun 1979 bagi memperkukuhkan perpaduan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

(c) Teliti maklumat dalam gambar berikut.



Jelaskan maklumat yang terkandung dalam gambar tersebut.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B[60 *markah*]*Jawab tiga soalan Sahaja*

5 Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948.

(a) Jelaskan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[4 *markah*]

(b) Terangkan ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[8 *markah*]

(c) Teliti pernyataan berikut

Persekutuan Tanah Melayu 1948 menjadi asas kepada penubuhan negara bangsa Malaysia pada hari ini.

Buktikan pernyataan tersebut.

[8 *markah*]

6. Kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957 bersamaan dengan 5 Safar 1377 Hijrah merupakan peristiwa yang penuh dengan pengertian bagi negara kita.

(a) Apakah yang anda faham tentang erti kemerdekaan?

[4 markah]

(b) Kejayaan upacara pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957 didukung oleh pelbagai persediaan yang rapi. Jelaskan persediaan sambutan tersebut.

[8 markah]

(c) Teliti lirik lagu berikut.

“Warisan”

*Di sini lahirnya sebuah cinta
Yang murni abadi sejati
Di sini tersemai cita-cita
Bercambah menjadi warisan*

Lagu dan lirik: Syed Haron Syed Ahmad
Dipopularkan oleh: Sudirman Haji Arshad

Jelaskan mesej yang ingin disampaikan melalui lirik lagu tersebut dan bincangkan kesan kemerdekaan terhadap kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara kita.

[8 markah]

7. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting dalam memastikan pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- (a) Nyatakan bentuk kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam pembangunan sosioekonomi.
- [6 markah]
- (b) Program pembangunan yang dilaksanakan melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah memberi manfaat kepada rakyat. Pada pendapat anda, mengapakah kerjasama antara kedua-dua pihak perlu terus diperkukuhkan?
- [6 markah]
- (c) Teliti maklumat dalam poster tersebut.



Beri ulasan anda berdasarkan poster tersebut dan kesan sekiranya penyelarasan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak dilaksanakan dengan berkesan?

[8 markah]

8. Negara terpaksa berhadapan dengan cabaran dalaman selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963.
- (a) Nyatakan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam usaha membangunkan Sabah dan Sarawak.
- [4 markah]
- (b) Pemisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965 berlaku akibat pelbagai isu yang menjejaskan hubungan antara kedua-dua pihak. Huraikan faktor-faktor yang membawa kepada pemisahan tersebut.
- [8 markah]
- (c) Teliti petikan tersebut.

Petikan Rencana**Rusuhan Kaum di Singapura, 21 Julai 1964**

Pada 21 Julai 1964, berlaku rusuhan kaum di Singapura yang berpunca daripada ketegangan hubungan antara masyarakat pelbagai kaum. Peristiwa tersebut tercetus ketika sambutan Maulidur Rasul dan menyebabkan kehilangan nyawa serta kerosakan harta benda. Keadaan menjadi semakin buruk apabila terdapat pihak yang memainkan sentimen perkauman dan menyebarkan maklumat yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.

Sumber: Diubah suai daripada buku teks Sejarah Tingkatan 5 KSSM

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan cadangkan bagaimana pemerintah dan rakyat dapat mengelakkan rusuhan kaum dari berulang kembali pada masa kini.

[8 markah]

9. Kecemerlangan Malaysia di persada dunia terserlah melalui penglibatan aktif dalam pertubuhan antarabangsa, kepimpinan ekonomi, dan kelantangan dalam isu global. Negara kita berjaya membina reputasi cemerlang sebagai suara pembela keamanan dan hak asasi manusia di peringkat global.

(a) Jelaskan isu global kontemporari yang dihadapi oleh Malaysia

[6 markah]

(b) Malaysia turut memainkan peranan besar dalam hubungan ekonomi antarabangsa.

Bagaimanakah Malaysia terlibat dalam hubungan ekonomi antarabangsa.

[6 markah]

(c) Teliti petikan di bawah

Syarikat Malaysia terus memacu ekonomi di peringkat global dengan pelaburan strategik yang membuka peluang kepada perniagaan tempatan, khususnya syarikat Bumiputera untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Pelaburan oleh syarikat Malaysia di United Kingdom (UK) seperti YTL, Gamuda serta pelbagai syarikat seperti TNB telah memberi kesan positif, khususnya dalam pembangunan lestari dan infrastruktur utama.

Projek-projek seperti pembangunan di kawasan Bristol Utara mencerminkan keupayaan syarikat Malaysia untuk membawa transformasi besar yang memanfaatkan masyarakat setempat. Pujian daripada kepimpinan utama UK menekankan bagaimana pelaburan ini mewujudkan pekerjaan baharu, meningkatkan infrastruktur, dan membawa impak ekonomi yang menyeluruh.

Sumber : utusan.com.my

Berikan ulasan anda tentang petikan ini dan apakah kepentingan yang diperolehi Malaysia dalam menjalinkan hubungan ekonomi dengan negara lain.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT